

BAB III

Bab III

Metodologi Penyelidikan

1. Pengenalan

Metodologi merupakan perkataan pinjaman perbendaharaan Bahasa Inggeris *Methodology*. Ia berasal daripada dua gabungan patah perkataan Yunani iaitu metods yang bererti jalan atau cara dan logos iaitu ilmu.¹ Hasil gabungan perkataan Yunani *methods* dan *logos* menjadi metodologi atau methodology memberikan pengertian suatu “ilmu tentang cara mengadakan penelitian”².

Menurut Kamus Dewan, metodologi bermaksud “cara melakukan sesuatu atau sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan.³ Manakala dalam kamus Oxford ketika menghuraikan pengertian Methodology dengan panjang dan lebar, ia memberikan kesimpulan sebagai “suatu kaedah untuk mengenal pasti sesuatu objek atau penggunaan masa dan sistem pembelajaran atau mana-mana sistem yang paling efektif untuk melaksanakan sesuatu aktiviti”.⁴

Dalam bab I, penulis telah menyentuh secara ringkas metodologi yang digunakan dalam penyelidikan ini. Manakala dalam bab III ini, penulis akan

¹ Koentjaraningrat (1997), *Metode-Metode Penelitian Masyarakat*. Jakarta: P.T Gramedia, h. 16.

² Imam Barnadib (1982), *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan*. Yogyakarta: Yayasan Penerbitan FIP-IKIP, h. 51.

³ Teuku Iskandar, Dr. (1986), *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 826

⁴ J.A Simpson & E.S.C Weiner (1989), *The Oxford English Dictionary*. Oxford: Clarendon Press, Second Edition, vol Ix, h. 690.

membincangkan secara khusus metode penyelidikan tesis ini serta bagaimana ianya diaplikasikan bagi menghasilkan satu kajian yang tepat dan lengkap.

Secara umumnya, metodologi-metodologi yang digunakan boleh dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu metode penentuan subjek, metode pengumpulan data dan metode penulisan serta penganalisaan data.

Penulis telah menggabungkan teknik penyelidikan perpustakaan dan lapangan bagi menyempurnakan tesis ini. Kajian dimulakan dengan menggunakan teknik yang pertama. Melalui penyelidikan perpustakaan ini, ianya dapat membantu penulis dalam usaha memahami dasar-dasar dan pokok persoalan perbincangan kajian.

2. Metode Penentuan Subjek

Metode penentuan subjek adalah bermaksud kelompok orang atau benda yang ingin dikaji.⁵ Penulis telah memilih kaedah persampelan dalam menentukan subjek kajian. Persampelan ialah satu proses di mana sebilangan kecil daripada keseluruhan populasi dipilih dan dikaji untuk membolehkan kita membuat generalisasi mengenai populasi itu.⁶ Faedah lain menggunakan kaedah persampelan ini ialah penyelidik dapat membuat liputan yang agak luas dalam masa yang singkat dengan menggunakan soal-selidik yang terperinci. Tujuan

⁵ Kenneth D. Bailey (1984), *Kaedah Penyelidikan Sosial*. Hashim Awang (terj.), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 12.

⁶ Mohd. Sheffie Abu Bakar (1991), *Metodologi Penyelidikan Untuk Ekonomi dan Bidang-Bidang Berkaitan*, c. 2. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 66.

utama persampelan ialah untuk mendapatkan satu sampel yang mempunyai ciri-ciri umum populasi, terutama ciri-ciri yang perlu diselidiki. Melalui metode ini, penulis telah mendapatkan sampel-sampel dari setiap kawasan perkampungan yang mempunyai majoriti penduduk yang berketurunan Jawa untuk melihat adat-adat tradisional Jawa yang masih diamalkan walaupun telah bercampur dengan adat masyarakat setempat.

Kaedah persampelan ini digunakan apabila saiz objek kajian terlalu besar.⁷ Batu Pahat terletak di Pantai Barat negeri Johor dengan keluasan 1872.56 kilometer persegi dan mempunyai 14 buah mukim dengan jumlah penduduknya seramai 336,509 orang. Jumlah penduduk bagi setiap mukim adalah seperti berikut:

Jadual 3.1: Jumlah Penduduk Mengikut Mukim

Bil	Mukim	Jumlah Penduduk
1	Bagan	7,648 orang
2	Chaaah Bahru	6,016 orang
3	Kg. Bahru	10,827 orang
4	Linau	14,988 orang
5	Lubok	6,959 orang
6	Minyak Beku	16,724 orang
7	Peserai	8,961 orang
8	Simpang Kanan	118,633 orang

⁷ J. Supranto (1986), *Kaedah Penyelidikan: Penggunaannya Dalam Pemasaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 41-42.

9	Simpang Kiri	20,956 orang
10	Sri Gading	45,539 orang
11	Sri Medan	21,687 orang
12	Sg. Kluang	16,266 orang
13	Sg. Punggor	9,654 orang
14	Tg. Semberong	31,651 orang
Jumlah		336,509 orang

Sumber: Pejabat Daerah Batu Pahat

Oleh kerana bil saiz dan objek kajian terlalu besar, penulis memilih beberapa perkampungan dalam setiap mukim yang terpilih sahaja di mana majoriti penduduknya berketurunan Jawa sebagai sampel kajian. Antara perkampungan majoriti penduduk berketurunan Jawa yang menjadi sampel kajian penulis ialah:

Jadual 3.2: Kawasan Majoriti Penduduk Berketurunan Jawa

Nama Kawasan	Bilangan Penduduk
1. Parit Raja	2,953 orang
2. Rengit	1,194 orang
3. Senggarang	1,457 orang
4. Sri Gading	1,376 orang
5. Parit Sulong	1,736 orang
6. Parit Yaani	422 orang
7. Sri Medan	1,125 orang

Sumber: Pejabat Daerah Batu Pahat

Demikian antara beberapa buah kampung yang menjadi sampel kajian penulis dalam mengenal pasti sejauhmana perlaksanaan adat-istiadat Jawa yang masih diamalkan di kampung-kampung berkenaan.

3. Metode Pengumpulan Data

Penulis telah menggunakan beberapa metode yang relevan dalam proses pengumpulan data agar terjamin kesohihannya dan memudahkan proses analisis data. Data merupakan maklumat yang dikumpul dan dianalisa dalam suatu kajian.⁸ Ini bermakna suatu data yang diperolehi adalah maklumat asas kajian untuk dianalisa , diproses atau dibuat kesimpulan. Klasifikasi data termasuklah perkataan, surat, carta, rajah, bil, bacaan meter dan sebagainya.⁹ Data berdasarkan kepada dua pembahagian, yang pertama merupakan data asas. Ia adalah maklumat yang didapati terus daripada sumbernya atau objeknya. Manakala bahagian data yang kedua ialah yang diperolehi daripada sumber-sumber kedua contohnya penerbitan.¹⁰

Penulis menggunakan kedua-dua sumber data tersebut bagi memastikan penyelidikan yang berkualiti. Antara metode yang digunakan dalam pengumpulan data ialah:

⁸ Bailey, *op. cit*, h. 756.

⁹ Mohd. Majid Konting (1990), *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 259.

¹⁰ Supranto, *op. cit*, h. 5-6.

- 3.1 Metode Perpustakaan
- 3.2 Metode Dokumentasi
- 3.3 Metode Wawancara
- 3.4 Metode Historis
- 3.5 Metode Observasi
- 3.6 Metode Soal-Selidik

3.1 Metode Perpustakaan

Metode perpustakaan ialah teknik di mana seseorang mendapatkan data dan bukti melalui kajian ke atas dokumen rekod. Keseluruhan data yang diperolehi adalah data yang disediakan oleh penyelidik sebelum ini atau agensi-agensi tertentu. Pada kebiasaananya ia adalah data yang diproses terlebih dahulu.¹¹

Penyelidikan kepustakaan digunakan ketika penulis mencari data-data berhubung Latar Belakang Masalah serta Pengertian Tajuk dan Perumusan Masalah. Metode ini juga digunakan dalam mendapatkan maklumat berhubung latar-belakang masyarakat Jawa, sejarah kedatangan orang-orang Jawa ke Tanah Melayu dan faktor penghijrahannya dalam bab satu. Penulis telah mengumpulkan data-data tersebut daripada dokumentasi dan juga merujuk kepada kajian penulis lain.

Manakala dalam bab II iaitu pada landasan teori disertasi ini, penulis menghuraikan konsep adat dan istiadat. Penulis juga menghuraikan secara

¹¹ Sheffie, *op. cit.*, h. 66.

terperinci berhubung adat-adat dalam kelahiran, perkahwinan dan kematian menurut perspektif Islam. Teknik penyelidikan kepustakaan merupakan kaedah yang paling sesuai dalam menghuraikan data-data berkenaan. Untuk mendapatkan data-data yang diperlukan, penulis telah menjelaki beberapa buah perpustakaan serta bahan-bahan dokumentasi yang berkaitan dari jabatan-jabatan yang berkenaan. Manakala dalam bab metodologi, penulis menggunakan teknik penyelidikan kepustakaan dalam mendefinisikan satu-satu kaedah yang digunakan. Antara beberapa buali perpustakaan yang dikunjungi oleh penulis untuk mendapatkan bahan-bahan rujukan ialah:

- 1) Perpustakaan Utama Universiti Malaya, (UM)
- 2) Perpustakaan Akademi Islam, Universiti Malaya, (UM)
- 3) Perpustakaan Peringatan Zaba, (UM)
- 4) Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia, (UKM)
- 5) Perpustakaan Awam Islam Malaysia, JAKIM Pusat Islam
- 6) Perpustakaan Negara, Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur
- 7) Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa, Gombak (UIAM).

3.2 Metode Wawancara

Ia adalah satu cara mendapatkan data atau keterangan secara lisan dari seorang responden dengan bercakap berhadapan muka dengan individu terbabit.¹² Setelah penulis memutuskan sampel kajian, penulis akan menggunakan metode temubual bagi mengumpul data kajian. Metode temubual atau disebut juga metode wawancara adalah bertujuan untuk mendapatkan keterangan atau pendirian secara lisan dari seorang informan atau responden.

Informan yang dipilih adalah dari kalangan individu yang mempunyai keahlian samada dari kalangan ketua kampung atau ahli jawatankuasa kampung serta pegawai badan berkanun. Penulis menemuramah mereka melalui *questionnaire* yang mengandungi daftar pertanyaan yang tersusun dan direncanakan. Metode temubual ini disebut juga sebagai wawancara berencana.¹³ Kesemua informan akan diajukan bentuk soalan yang sama berkaitan dengan adat-istiadat Jawa kecuali persoalan yang berbeza diajukan kepada badan berkanun untuk mendapatkan maklumat berhubung sejarah Batu Pahat.

Walaubagaimanapun, satu judgement dilakukan ke atas questionnaire tersebut. Individu yang terlibat di dalam judgement tersebut adalah terdiri daripada individu yang berpengalaman dalam melakukan penyelidikan seperti tokoh-tokoh ilmuan di Universiti Malaya, ketua kampung dan ahli jawatankuasa kampung yang berpengalaman. Teguran dan kritikan terhadap questionnaire

¹² Koentjaraningrat, *op. cit*, h. 129.

¹³ *Ibid.*

tersebut adalah penting dalam memastikan temubual yang jitu dan memperolehi hasil kajian yang bermutu.

Penulis menggunakan metode wawancara atau temubual dalam sebahagian besar tesis ini. Individu-individu yang terlibat terdiri daripada tokoh-tokoh yang mempunyai hubungkait dengan persoalan kajian seperti pensyarah akademik, pemimpin masyarakat dan pegawai badan berkanun daripada jabatan kerajaan negeri.

Metode wawancara ini digunakan untuk mendapatkan data-data bagi menyempurnakan persoalan berikut:

- a. Mencari kampung-kampung yang mempunyai majoriti penduduk yang berketurunan Jawa dengan menemubual En. Zakaria b. Hj. Rohani (JKKK Parit Tengah, Rengit), Puan Halizah bt. Mohd. Salleh (penduduk Kg. Parit Raja) dan En. Nazri b. Soodiqin (penduduk Kg. Parit Yaani)
- b. Adat istiadat masyarakat Jawa Batu Pahat dalam bab yang keempat dengan menemuramah informan yang lebih tua dan lebih mengetahui tentang adat-istiadat tradisional Jawa. Dalam hal ini penulis telah mewawancara Puan Juwairiah bt. Sa'yon selaku ketua wanita di Kampung Parit Tengah dan En. Masnuti b. Hj. Ismail selaku penduduk di Kampung Parit Sulong.

3.3 Metode Dokumentasi

Metode ini merupakan kajian terhadap data-data yang bertulis atau bergambar dengan cara pengumpulan data melalui penelitian yang dilakukan terhadap dokumen-dokumen yang ada hubungan dan perkaitan dengan masalah yang diteliti.¹⁴ Dokumen bererti benda atau bahan bertulis yang dapat memberikan pelbagai keterangan termasuklah gambar, kumpulan undang-undang, auto biografi, surat-surat peribadi, buku harian dan cerita rakyat.¹⁵ Al-Qurān dan al-Hādīth juga dianggap sebagai dokumen kerana sifatnya sebagai sumber bertulis dan terjamin keasliannya.

Bukan itu sahaja dokumen termasuklah laporan sesuatu jabatan atau badan berkanun, syarikat, persatuan dan seumpamanya.¹⁶ Penggunaan metode ini dalam penyelidikan penulis adalah seperti berikut:

- a. Bab Pendahuluan yang meliputi Latar Belakang Masalah, Pengertian Tajuk, Sejarah Awal Batu Pahat, Latar Belakang Masyarakat Jawa dan Sejarah Kedatangan Orang Jawa ke Tanah Melayu.

- b. Bab Kedua yang menyentuh tentang konsep adat-istiadat serta pandangan Islam berhubung adat-adat dalam kelahiran, perkahwinan dan kematian

¹⁴ Halim, *op. cit*, h. 117.

¹⁵ Koenjraningrat, *op. cit*, h. 47.

¹⁶ Ahmad Mahdzan Ayob, Prof (1985), *Kaedah Penyelidikan Sosio-Ekonomi Suatu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 49.

c. Bab Ketiga iaitu Metodologi

Dalam kajian ini, penulis telah mencuba untuk memperolehi dokumen-dokumen daripada sumber yang pertama, walaubagaimanapun terdapat sebahagian sumber yang diperolehi adalah daripada sumber kedua. Antara dokumen sumber pertama ialah al-Qurān dan tafsirannya, juga al-Hādīth. Manakala sumber kedua pula seperti buku-buku terjemahan, buku-buku pendidikan, suratkhabar, risalah-risalah, buku cenderamata dan sebagainya. Kebanyakan dokumen tersebut diperolehi daripada perpustakaan-perpustakaan yang disebutkan tadi serta koleksi buku-buku milik penulis sendiri.

3.4 Metode Historis

Metode Historis bermaksud penyelidikan ke atas perkara-perkara yang mengandungi perspektif sejarah. Menurut Louis Gottschalk dalam bukunya “Mengerti Sejarah”, metode historis didefinisikan “ sebagai proses menguji dan menganalisa secara kritis rakaman dan peninggalan masa lampau”.¹⁷ Segala catatan peristiwa daripada masa lampau berdasarkan data yang diperolehi dengan menempuh suatu proses yang disebut sebagai *historiografi* (pensejarahan).

Metode ini disebut juga sebagai metode *history*. Ia adalah proses yang meliputi pengumpulan dan penafsiran segala fakta-fakta yang lalu untuk membuat generalisasi bagi memahami situasi sekarang atau akan datang.¹⁸ Metode ini memerlukan proses penyiasatan yang kritikal dilakukan terhadap peristiwa lalu.

¹⁷ Louis Gottschalk (1985) *Mengerti Sejarah*. Nugroho Notosusanto (terj.), c.4, Indonesia: Penerbit Universitas, h. 32.

¹⁸ Barnadib, *op. cit.*, h. 42-44.

Penulis telah mencuba sedaya-upaya untuk mendapatkan fakta sejarah yang mempunyai hubungkait dengan kajian ini, walaubagaimanapun tidak semua peristiwa yang lalu diketahui oleh generasi selepasnya. Penulis telah menggunakan metode ini untuk mendapatkan data-data yang berhubung dengan:

- a. Kajian mengenai asal-usul dan sejarah pembukaan Bandar Batu Pahat.
- b. Pengertian Tajuk dan Perumusan Masalah.
- c. Latar Belakang Masyarakat Jawa dan faktor penghijrahannya ke Tanah Melayu iaitu sejarah kemunculan orang-orang Jawa, teori kepercayaan dan amalan adat-istiadat secara umumnya.

Bagi mendapatkan data-data berkenaan, penulis telah menjelajahi bahan-bahan yang terdapat di Perpustakaan Za'ba, Universiti Malaya, Perpustakaan Utama UM, Perpustakaan Tun Sri Lanang UKM, Perpustakaan Negara, Perpustakaan Awam Islam Malaysia, Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa (UIA) disamping berusaha mendapatkan bahan-bahan dari pejabat Daerah Batu Pahat.

3.5 Metode Observasi

Metode observasi turut digunakan oleh penulis dalam melengkapkan kajian ini. Metode observasi melibatkan pancaindera manusia iaitu mata untuk memandang, melihat dan mengamati lingkungannya sehingga memperolehi pengetahuan mengenai lingkungan kajian tersebut.¹⁹

Metode observasi ini digunakan sepenuhnya oleh penulis pada bab keempat dalam melengkapkan huraian berhubung amalan adat-istiadat oleh masyarakat Jawa di daerah Batu Pahat. Dalam observasi yang dijalankan ini, penulis meneliti dan mengamati sendiri beberapa kenduri slametan yang telah diadakan oleh penduduk kampung seperti dalam slametan kirim arwah dan potong jambul. Segala hasil yang diperolehi melalui pengamatan atau observasi dicatatkan secara ringkas kerana ditakuti maklumat yang diperolehi hilang dari ingatan penulis. Kemudian barulah maklumat-maklumat tersebut dikemaskinikan.

3.6 Metode Soal-Selidik

Metode soal-selidik digunakan apabila responden yang menjadi sasaran adalah dalam kumpulan atau kelompok yang ramai. Metode soal-selidik merupakan suatu senarai yang terdapat rangkaian pertanyaan mengenai sesuatu hal atau dalam sesuatu bidang.

¹⁹ Harsja W. Bachtiar (1985), “*Pengamatan Sebagai Suatu Metod Penelitian*”, dalam Koentjaraningrat (ed.), *Metode-Metode Penelitian Masyarakat*, c. 7. Jakarta: PT Gramedia, h. 108-109.

Soal-selidik merupakan nadi kaji-selidik dengan ertikata ia merupakan pengganti diri penyelidik disamping sebagai penyambung di antara penyelidik dengan responden. Oleh yang demikian soal-selidik bermaksud suatu daftar atau senarai pertanyaan untuk memperolehi data yang merupakan jawapan-jawapan daripada responden. Bagi melengkapkan kajian, penulis menggunakan metode soal-selidik untuk memperolehi data-data yang berkaitan dengan perlaksanaan adat istiadat masyarakat Jawa Batu Pahat dalam kehidupan seharian.

Satu set borang soal selidik yang mengandungi beberapa pertanyaan dan jawapan, dikemukakan kepada responden di perkampungan sampel kajian. Tujuan penggunaan metode ini adalah sebagai pelengkap kepada data yang diperolehi oleh penulis melalui metode-metode lain khususnya dalam bab yang keempat. Melaluinya penulis dapat membuat beberapa hipotesis untuk dimuatkan dalam bab lima.

Soalan-soalan di dalam borang soal selidik dibahagikan kepada empat bahagian yang menyentuh tentang adat-adat dalam perkahwinan, kelahiran, kematian dan adat istiadat tradisional Jawa. Setiap soalan diberikan pilihan jawapan dan responden hanya dibenarkan memilih satu daripada jawapan-jawapan tersebut kecuali pada beberapa soalan yang membenarkan responden memilih daripada satu jawapan.

Sebanyak 200 set borang soal selidik diedarkan di tujuh buah kampung dalam mukim yang terpilih sahaja. Kawasan tersebut dipilih berdasarkan kepada majoriti penduduk yang berketurunan Jawa dan masih lagi mengamalkan adat

istiadat tradisional Jawa. Jumlah kesemua kampung-kampung tersebut seperti dalam jadual berikut;

Jadual 3.3: Jumlah Responden Dalam Sampel Kajian

Sampel Kajian	Jumlah Responden
1. Parit Raja	30 Responden
2. Rengit	30 Responden
3. Senggarang	30 Responden
4. Sri Gading	30 Responden
5. Parit Sulong	30 Responden
6. Sri Medan	30 Responden
7. Parit Yaani	20 Responden
7 Buah Sampel Kajian	200 Responden

4. Metode Penulisan dan Analisis Data

Setelah semua data dan fakta diperolehi dan dikumpulkan, maka sumber-sumber data tersebut akan melalui beberapa peringkat utama iaitu:

- i. *Heuristik* iaitu mengumpul data yang berkaitan dengan kajian, ia dipilih secara relevan.

- ii. *Kritikan.* Data-data yang dikumpul itu kemudiannya dikritik samada kritikan internal iaitu kritikan terhadap isi, tahun dan sebagainya dalam teks atau kritikan eksternal iaitu dengan membuat penilaian luaran terhadap kertas.
- iii. *Interpretation.* Data yang dikritik itu kemudiannya diinterpretasikan iaitu menganalisis terhadap fakta yang ditemui melalui beberapa pendekatan yang digunakan.
- iv. *Auffassung.* Melakukan hipotesis terhadap maklumat yang diperolehi.
- v. *Darstellung.* Akhirnya barulah ia melalui proses historiografi iaitu proses penulisan samada dalam bentuk multi disliner, komparatif dan sebagainya.

Setelah data-data terkumpul melalui penggunaan metode-metode yang telah diterangkan, penulis perlu mencerakin dan menganalisa data-data tersebut sebelum dihuraikan dalam bentuk penulisan. Penganalisaan data oleh penulis adalah berdasarkan tiga metode berikut:

- 4.1. Metode Induktif
- 4.2. Metode Deduktif
- 4.3. Metode Komparatif

4.1 Metode Induktif

Penulis menggunakan kaedah ini untuk membuat kesimpulan berdasarkan kepada pemaparan data yang bersifat khusus untuk mendapatkan konklusi yang bersifat umum sebagaimana pengertian menurut Imam Barnadib yang menyatakan bahawa “pola berfikir yang mencari penelitian dari hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai ke dalil yang umum”.²⁰

Berdasarkan metode ini, penulis akan menganalisis data-data dalam bentuk khusus untuk disimpulkan dalam bentuk umum. Justeru itu segala data-data yang diperolehi perlu dianalisis sebelum membuat kesimpulan. Penulis menggunakan metode induktif ini dalam bab pertama iaitu pada bahagian Pengertian Tajuk. Dari pelbagai pengertian yang diperolehi dan dikumpulkan, maka ia dihursti dan disimpulkan. Penulis juga menggunakan metode ini ketika menghuraikan sejarah kedatangan orang-orang Jawa ke Tanah Melayu, faktor-faktor penghijrahan serta menyatakan jumlah penduduk dan peratus di kawasan persampelan kajian.

Setelah memperolehi data-data tersebut daripada sumber-sumber yang berkaitan, penulis akan menganalisis data-data berkenaan secara induktif bagi membuat kesimpulan.

²⁰ Barnadib, *op. cit*, h. 52-53.

4.2 Metode Deduktif

Kaedah penganalisaan data ini digunakan oleh penulis untuk menghuraikan kesimpulan yang bertunjangkan kepada data-data yang bersifat umum untuk mendapatkan konklusi yang bersifat khusus. Penulis menggunakan kaedah penganalisaan data dengan menggunakan metode ini bagi menghuraikan sesuatu permasalahan dan membuat kesimpulan serta rumusan secara terperinci dengan menggunakan data yang lengkap dan lebih khusus.

Metode-metode tersebut diaplikasikan dalam bab dua ketika menghuraikan amalan-amalan berhubung kelahiran bayi, majlis perkahwinan dan pengurusan jenazah menurut perspektif Islam serta membincangkan tentang perlaksanaan adat-istiadat oleh masyarakat Jawa di Batu Pahat. Dalam hal ini, penulis menganalisis kesemua jawapan-jawapan yang diberikan oleh responden secara keseluruhannya. Daripada jawapan-jawapan yang diperolehi itu, barulah dibuat rumusan dan kesimpulan mengenai hasil yang diperolehi.

4.3 Metode Komparatif

Penulis seterusnya menggunakan metode komparatif bagi membandingkan data-data yang diperolehi untuk mendapatkan suatu rumusan yang baik dan adil. Perbandingan dibuat terhadap seluruh fakta, data dan maklumat yang didapati daripada pelbagai sumber. Melalui perbandingan tersebut, beberapa hipotesis akan dihasilkan dan kesimpulan kajian akan dapat dilaporkan dalam bab lima.

Metode komparatif ini digunakan oleh penulis pada bab pertama dan keempat. Pada bab yang pertama, ia digunakan dalam menjelaskan pecahan keluasan daerah dan bilangan mukim yang terdapat dalam daerah Batu Pahat.

Manakala dalam bab yang keempat, ia digunakan dalam menjelaskan segala data yang diperolehi daripada borang kajian soal selidik dan akan dibandingkan dengan data-data yang diperolehi dalam bab yang kedua sebelum satu kesimpulan dibuat berkaitan amalan adat istiadat masyarakat Jawa menurut perspektif Islam. Perbandingan data yang dibuat adalah berkaitan dengan adat istiadat masyarakat Jawa sehari-hari dengan amalan-amalan yang dituntut dalam Islam berhubung dalam adat perkahwinan, kelahiran dan kematian.

Seterusnya, dari sudut rupa bentuk data yang diperolehi, maka penyelidikan ini telah dibahagikan kepada dua bentuk iaitu penyelidikan kualitatif dan penyelidikan kuantitatif.

Penyelidikan kualitatif adalah penggunaan fakta, maklumat, pernyataan, ulasan, tanggapan, maksud, konsep, ciri-ciri, simbol, persepsi, metafor, perasaan dan seumpamanya. Melalui kaedah kualitatif ini, penyelidik dapat mengkaji secara mendalam fenomena yang berlaku dalam pengkajian tersebut pada keadaan realitinya.²¹

Sumber data yang diperolehi dalam penyelidikan kualitatif ini adalah dalam bentuk buku, majalah, tesis, jurnal, kertas kerja, buku seminar, buku harian

²¹Idris Awang, Dr. (2001), *Kaedah Penyelidikan: Suatu Sorotan*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, h. 6-7.

rasmi, pamflet, wawancara dan observasi. Semua data yang diperolehi ini dimuatkan secara keseluruhannya pada bab pertama, kedua dan keempat disertasi ini

Penyelidikan kuantitatif pula adalah data yang diperolehi dalam bentuk angka atau bilangan dan dikumpulkan dengan menggunakan kaedah-kaedah yang tertentu. Penganalisaan data kuantitatif selalunya dilakukan dengan menggunakan kaedah statistik. Data-data yang diperolehi dikemukakan dalam bentuk carta dan jadual.

Sumber data yang diperolehi dalam penyelidikan kuantitatif ini adalah daripada borang soal-selidik yang telah diedarkan kepada responden-responden yang dipilih. Ia dimuatkan sepenuhnya pada bab keempat dalam menentukan jumlah responden yang telah menjawab soalan-soalan yang diajukan. Data-data tersebut dikemukakan dalam bentuk jadual dan rajah yang berbentuk graf dan carta pai.